



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN LOGO KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Disediakan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perpaduan Negara**

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN LOGO RASMI
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

ISI KANDUNGAN

	PERKARA	MUKA SURAT
	Latar Belakang	1
	Tujuan	1
	Objektif	2
	Permohonan Penggunaan Logo	2
	Syarat-syarat Permohonan	2
	Syarat-syarat Penggunaan Logo	3
	Penggunaan Logo Tanpa Kebenaran	4
	Penghantaran Permohonan	4
	Carta Alir Permohonan Penggunaan Logo KPN	5
	Penggunaan Logo di Peringkat Kementerian	6
	Penggunaan Logo di Peringkat Kementerian (Bahasa Inggeris)	6
	Penggunaan Logo di Peringkat Kementerian - Teks Putih	7
	Penggunaan Logo di Peringkat Kementerian - Teks Putih (Bahasa Inggeris)	7
	Penggunaan Logo di Peringkat Bahagian / Agensi	8
	Penggunaan Logo di Peringkat Bahagian / Agensi (Bahasa Inggeris)	8
	Penggunaan Logo di Peringkat JPerpaduan	9
	Penggunaan Logo di Peringkat JPerpaduan (Bahasa Inggeris)	9
	Penggunaan Logo di Peringkat Jabatan Muzium Malaysia	10
	Penggunaan Logo di Peringkat Jabatan Muzium Malaysia (Bahasa Inggeris)	10
	Penggunaan Logo di Peringkat Arkib Negara Malaysia	11
	Penggunaan Logo di Peringkat Arkib Negara Malaysia (Bahasa Inggeris)	11
	Penggunaan Logo di Peringkat Perpustakaan Negara Malaysia	12
	Penggunaan Logo di Peringkat Perpustakaan Negara Malaysia (Bahasa Inggeris)	12
	Penggunaan Logo di Peringkat Yayasan Sukarelawan Siswa	13
	Penggunaan Logo di Peringkat Yayasan Sukarelawan Siswa (Bahasa Inggeris)	13
	Penggunaan Logo di Peringkat Yayasan Tun Razak	14
	Penggunaan Logo di Peringkat Yayasan Tun Razak (Bahasa Inggeris)	14
	Penggunaan Logo di Peringkat Yayasan Tunku Abdul Rahman	15
	Penggunaan Logo di Peringkat Yaysan Tunku Abdul Rahman (Bahasa Inggeris)	15
	Penggunaan Identiti Malaysia MADANI	16
	Garis Panduan Pembudayaan Malaysia Madani melalui Logo Khusus	17
	Penggunaan Logo Harmoni MADANI	21
	Penggunaan Logo Kembara Perpaduan	22

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN LOGO RASMI KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Garis Panduan Penggunaan Logo Kementerian Perpaduan Negara (KPN) adalah berpandukan kepada Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2022 - Penggunaan Jata Persekutuan.
- 1.2 Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Unit Komunikasi Korporat (UKK) sering menerima permohonan penggunaan logo rasmi KPN di bahan-bahan promosi bagi program dan aktiviti anjuran daripada Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah KPN, individu, syarikat korporat, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan agensi kerajaan.
- 1.3 Sehubungan dengan itu, Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi KPN ini dikeluarkan untuk rujukan dan panduan kepada Bahagian/Jabatan/Agensi, syarikat korporat NGO dan agensi kerajaan yang ingin bekerjasama dengan KPN dalam melaksanakan semua program.

2. TUJUAN

- 2.1 Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai prosedur dan tatacara penggunaan logo rasmi KPN serta peraturan-peraturan penggunaan logo yang ditetapkan kepada individu, NGO, syarikat dan agensi kerajaan untuk kelulusan penggunaan logo rasmi KPN.
- 2.2 Garis panduan ini terpakai kepada semua Bahagian, Jabatan dan Agensi di bawah KPN, serta syarikat korporat, NGO dan agensi kerajaan.
- 2.3 Mewujudkan mekanisme yang sistematik bagi memproses kelulusan permohonan penggunaan logo rasmi KPN.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Melindungi logo rasmi KPN daripada diekplotasi.
- 3.2 Mewujudkan sistem kawalan yang berkesan ke atas penggunaan logo rasmi KPN.
- 3.3 Memelihara nama baik, imej, kredibiliti dan reputasi KPN melalui penggunaan logo secara sah dan bersesuaian.

4. PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO

- 4.1 Surat permohonan perlu dikemukakan kepada Unit Komunikasi Korporat (UKK) KPN sekurang-kurangnya **30 hari bekerja berserta dokumen lengkap** sebelum tarikh penggunaan logo.
- 4.2 UKK KPN akan memproses permohonan dengan merujuk kepada Bahagian/Jabatan/Agenzi berkaitan sekiranya perlu sebelum mengemukakan syor kepada Ketua Setiausaha (KSU) KPN.
- 4.3 Kelulusan penggunaan logo rasmi KPN hanya diberikan oleh Ketua Setiausaha KPN Sahaja.

5. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 5.1 Penggunaan logo rasmi KPN untuk tujuan hebahan dan publisiti program di *banner, bunting, backdrop, wall of fame, poster, portal*, media sosial dan semua bentuk promosi perlu mendapat kelulusan KPN terlebih dahulu.
- 5.2 Pemohon perlu memaklumkan tarikh penggunaan logo iaitu tarikh mula program dan tarikh tamat program. Penggunaan logo rasmi KPN hanya boleh bermula **1 minggu** sebelum program dan tamat pada tarikh akhir program bagi program peringkat nasional dan **2 minggu** sebelum program bagi program antarabangsa.
- 5.3 Pemohon **WAJIB** mengemukakan rekaan *banner, bunting, backdrop, wall of fame, poster, portal* atau sebarang bentuk hebahan yang menggunakan logo rasmi KPN bersama surat permohonan untuk kelulusan.
- 5.4 Pemohon juga diwajibkan untuk mengemukakan sesalinan latar belakang/maklumat dan atur cara penuh program.

- 5.5 Penggunaan logo rasmi KPN pada sijil penyertaan atau sijil penghargaan tertakluk kepada program dan aktiviti yang dijalankan oleh syarikat korporat, NGO dengan kerjasama **KPM/Bahagian/Jabatan/Agenzi di bawahnya sahaja**. Bagi program yang dijalankan oleh pihak luar tanpa kerjasama daripada KPN/Bahagian/Jabatan dan Agensi, penggunaan logo di sijil penyertaan atau sijil penghargaan **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali.
- 5.6 KPN berhak untuk menolak sebarang permohonan penggunaan logo rasmi KPN yang didapati tidak bersesuaian dengan program atau aktiviti yang dijalankan.
- 5.7 KPM berhak mengambil tindakan ke atas mana-mana pihak yang menyalahgunakan logo rasmi KPN bagi tujuan yang dinyatakan di atas dan penggunaan logo yang tidak mendapat kelulusan.

6. SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN LOGO

- 6.1 Logo rasmi KPN **TIDAK DIBENARKAN** untuk digunakan bagi tujuan komersial, kutipan sumbangan dan dana termasuk sebarang aktiviti yang bermotifkan keuntungan kepada pihak pemohon.
- 6.2 Kebenaran penggunaan logo rasmi KPN yang diberikan adalah bagi tempoh yang terhad yang dinyatakan secara bertulis - tiada kelulusan terbuka.
- 6.3 Penganjur wajib bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan sebarang masalah atau kesulitan tidak berbangkit dalam penganjuran program mendapat kelulusan menggunakan logo rasmi KPN agar tidak menjelaskan imej KPN dan negara.
- 6.4 Kelulusan penggunaan logo rasmi KPN boleh ditarik balik atau dibatalkan dengan tanpa notis sekiranya pemohon menyalahgunakan logo rasmi KPN dan didapati menyalahi undang-undang atau dianggap bertentangan dan tidak konsisten dengan reputasi, imej dan matlamatnya.
- 6.5 KPN adalah tidak bertanggungjawab untuk menanggung apaapa bentuk liabiliti, isu, krisis yang terjadi kepada apa jua jenis program dan perkara-perkara lain yang berkaitan walaupun kelulusan penggunaan logo rasmi KPN telah diberikan.

7. PENGGUNAAN LOGO TANPA KEBENARAN


- 7.1 Pihak KPN boleh melaporkan kepada pihak berkuasa iaitu Polis Diraja Malaysia jika terdapat penyalahgunaan logo rasmi KPN serta mendapat logo rasmi digunakan tanpa mendapatkan kebenaran KPN.

8. RUJUKAN

Pihak tuan / puan juga boleh melayari portal rasmi KPN di www.perpaduan.gov.my atau menghubungi Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara ditalian 03-8091 8000. Permohonan penggunaan logo rasmi KPN mestilah dialamatkan kepada:

Ketua Komunikasi Korporat,
Kementerian Perpaduan Negara,
Aras 5 - 10, Blok F9, Parcel F,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62000 PUTRAJAYA.

9. CARTA ALIR PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO KPN



1. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT KEMENTERIAN



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Nama Teks	Arial (Bold)
Saiz Teks	50
Warna Teks	Hitam
Saiz Jata	15cm x 11.7cm
Spacing	1.5cm

2. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT KEMENTERIAN (BAHASA INGGERIS)



MINISTRY OF NATIONAL UNITY

Nama Teks	Arial (Bold)
Saiz Teks	50
Warna Teks	Hitam
Saiz Jata	15cm x 11.7cm
Spacing	1.5cm

3. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT KEMENTERIAN - TEKS PUTIH



Nama Teks	Arial (Bold)
Saiz Teks	50
Warna Teks	Putih
Saiz Jata	15cm x 11.7cm
Spacing	1.5cm

4. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT KEMENTERIAN - TEKS PUTIH (BAHASA INGGERIS)



Nama Teks	Arial (Bold)
Saiz Teks	50
Warna Teks	Putih
Saiz Jata	15cm x 11.7cm
Spacing	1.5cm

5. PENGGUNAAN LOGO DIPERINGKAT BAHAGIAN / AGENSI



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Nama Teks	Arial (Bold)	Spacing di antara teks KPN Dan teks Bahagian/Agensi	1cm
Saiz Teks KPN	50	Warna Teks	Hitam
Saiz Teks Bahagian/Agensi	44	Saiz Jata	15cm x 11.7cm
Spacing	1.5cm		

6. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT BAHAGIAN / AGENSI (BAHASA INGGERIS)



MINISTRY OF NATIONAL UNITY CORPORATE COMMUNICATIONS UNIT

Nama Teks	Arial (Bold)	Spacing di antara teks KPN Dan teks Bahagian/ Agensi	1cm
Saiz Teks KPN	50	Warna Teks	Hitam
Saiz Teks Bahagian/Agensi	44	Saiz Jata	15cm x 11.7cm
Spacing	1.5cm		

7. PENGGUNAAN LOGO DIPERINGKAT JABATAN / AGENSI



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

Nama Teks	Arial (Bold)	Spacing di antara teks KPN Dan teks Bahagian/Agensi	1cm
Saiz Teks KPN	50	Warna Teks	Hitam
Saiz Teks Bahagian/Agensi	44	Saiz Jata	15cm x 11.7cm
Spacing	1.5cm		

8. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT JABATAN / AGENSI (BAHASA INGGERIS)



MINISTRY OF NATIONAL UNITY DEPARTMENT OF NATIONAL UNITY AND INTEGRATION

Nama Teks	Arial (Bold)	Spacing di antara teks KPN Dan teks Bahagian/Agensi	1cm
Saiz Teks KPN	50	Warna Teks	Hitam
Saiz Teks Bahagian/Agensi	44	Saiz Jata	15cm x 11.7cm
Spacing	1.5cm		

9. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT JABATAN / AGENSI



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Nama Teks	Arial (Bold)	Spacing di antara teks KPN Dan teks Bahagian/Agensi	1cm
Saiz Teks KPN	50	Warna Teks	Hitam
Saiz Teks Bahagian/Agensi	44	Saiz Jata	15cm x 11.7cm
Spacing	1.5cm		

10. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT JABATAN / AGENSI (BAHASA INGGERIS)



MINISTRY OF NATIONAL UNITY DEPARTMENT OF MUSEUMS MALAYSIA

Nama Teks	Arial (Bold)	Spacing di antara teks KPN Dan teks Bahagian/Agensi	1cm
Saiz Teks KPN	50	Warna Teks	Hitam
Saiz Teks Bahagian/Agensi	44	Saiz Jata	15cm x 11.7cm
Spacing	1.5cm		

11. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT JABATAN / AGENSI



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA ARKIB NEGARA MALAYSIA

Nama Teks	Arial (Bold)	Spacing di antara teks KPN Dan teks Bahagian/Agensi	1cm
Saiz Teks KPN	50	Warna Teks	Hitam
Saiz Teks Bahagian/Agensi	44	Saiz Jata	15cm x 11.7cm
<i>Spacing</i>	1.5cm		

12. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT JABATAN / AGENSI (BAHASA INGGERIS)



MINISTRY OF NATIONAL UNITY NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA

Nama Teks	Arial (Bold)	Spacing di antara teks KPN Dan teks Bahagian/Agensi	1cm
Saiz Teks KPN	50	Warna Teks	Hitam
Saiz Teks Bahagian/Agensi	44	Saiz Jata	15cm x 11.7cm
<i>Spacing</i>	1.5cm		

13. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT JABATAN / AGENSI



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Nama Teks	Arial (Bold)	Spacing di antara teks KPN Dan teks Bahagian/Agensi	1cm
Saiz Teks KPN	50	Warna Teks	Hitam
Saiz Teks Bahagian/Agensi	44	Saiz Jata	15cm x 11.7cm
<i>Spacing</i>	1.5cm		

14. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT JABATAN / AGENSI (BAHASA INGGERIS)



MINISTRY OF NATIONAL UNITY NATIONAL LIBRARY OF MALAYSIA

Nama Teks	Arial (Bold)	Spacing di antara teks KPN Dan teks Bahagian/Agensi	1cm
Saiz Teks KPN	50	Warna Teks	Hitam
Saiz Teks Bahagian/Agensi	44	Saiz Jata	15cm x 11.7cm
<i>Spacing</i>	1.5cm		

15. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT JABATAN / AGENSI



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA YAYASAN SUKARELAWAN SISWA

Nama Teks	Arial (Bold)	Spacing di antara teks KPN Dan teks Bahagian/Agensi	1cm
Saiz Teks KPN	50	Warna Teks	Hitam
Saiz Teks Bahagian/Agensi	44	Saiz Jata	15cm x 11.7cm
<i>Spacing</i>	1.5cm		

16. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT JABATAN / AGENSI (BAHASA INGGERIS)



MINISTRY OF NATIONAL UNITY STUDENT VOLUNTEERS FOUNDATION

Nama Teks	Arial (Bold)	Spacing di antara teks KPN Dan teks Bahagian/Agensi	1cm
Saiz Teks KPN	50	Warna Teks	Hitam
Saiz Teks Bahagian/Agensi	44	Saiz Jata	15cm x 11.7cm
<i>Spacing</i>	1.5cm		

17. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT JABATAN / AGENSI



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA YAYASAN TUN RAZAK

Nama Teks	Arial (Bold)	Spacing di antara teks KPN Dan teks Bahagian/Agensi	1cm
Saiz Teks KPN	50	Warna Teks	Hitam
Saiz Teks Bahagian/Agensi	44	Saiz Jata	15cm x 11.7cm
<i>Spacing</i>	1.5cm		

18. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT JABATAN / AGENSI (BAHASA INGGERIS)



MINISTRY OF NATIONAL UNITY TUN RAZAK FOUNDATION

Nama Teks	Arial (Bold)	Spacing di antara teks KPN Dan teks Bahagian/Agensi	1cm
Saiz Teks KPN	50	Warna Teks	Hitam
Saiz Teks Bahagian/Agensi	44	Saiz Jata	15cm x 11.7cm
<i>Spacing</i>	1.5cm		

19. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT JABATAN / AGENSI



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN

Nama Teks	Arial (Bold)	Spacing di antara teks KPN Dan teks Bahagian/Agensi	1cm
Saiz Teks KPN	50	Warna Teks	Hitam
Saiz Teks Bahagian/Agensi	44	Saiz Jata	15cm x 11.7cm
<i>Spacing</i>	1.5cm		

20. PENGGUNAAN LOGO DI PERINGKAT JABATAN / AGENSI (BAHASA INGGERIS)



MINISTRY OF NATIONAL UNITY TUNKU ABDUL RAHMAN FOUNDATION

Nama Teks	Arial (Bold)	Spacing di antara teks KPN Dan teks Bahagian/Agensi	1cm
Saiz Teks KPN	50	Warna Teks	Hitam
Saiz Teks Bahagian/Agensi	44	Saiz Jata	15cm x 11.7cm
<i>Spacing</i>	1.5cm		

PENGGUNAAN IDENTITI MALAYSIA MADANI

1. Malaysia MADANI merupakan suatu ikhtiar secara bersepada dan holistik untuk menjadikan segala dasar dan pelaksanaan di Malaysia lebih manusiawi yang sentiasa ditambah baik menerusi musyawarah dan maklum balas rakyat.
2. Enam nilai teras MADANI dicerakin sebagai kerangka dasar dan falsafah yang berkait rapat dan bersepada, dengan setiap satu menguatkan yang lain. MADANI diilhamkan berdasarkan konsep kesediaan menerima perubahan, dengan mengambilkira saranan segenap lapisan masyarakat dengan hasrat pemulihian melalui Reformasi substantif demi Malaysia yang lebih maju dan makmur.
3. Malaysia MADANI bertunjangkan sikap saling menghormati, meraikan kepelbagai dan menjadi medan dialog peradaban. Kerangka Malaysia MADANI menjadi pemaju kewujudan Masyarakat maju dan bertamadun berdasarkan ilmu pengetahuan, tradisi, khazanah dan kearifan tempatan.



GARIS PANDUAN PEMBUDAYAAN MALAYSIA MADANI MELALUI LOGO KHUSUS

1. Pada 27 Februari 2024, Mesyuarat Khas Akademik Kenegaraan (AKM) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah memutuskan agar pembudayaan Malaysia MADANI harus diperlihatkan di setiap program dan aktiviti Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan. Logo Khusus mengikut nilai teras Malaysia MADANI yang telah mendapat kelulusan Ketua Setiausaha Negara pada 31 Mei 2024.
2. Pembudayaan logo Malaysia MADANI seharusnya tersemat dalam hati seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang dan asal usul. Oleh yang demikian, penggunaan logo Malaysia MADANI yang berfungsi sebagai symbol kepada Malaysia MADANI itu sendiri perlu diperluas penggunaannya supaya roh Malaysia MADANI sentiasa tersemat dalam diri dan jiwa rakyat Malaysia.
3. Penggunaan logo khusus Malaysia MADANI dalam setiap program anjuran Kementerian, Jabatan, Agensi Kerajaan, Syarikat Korporat dan NGO melalui medium promosi secara maya dan bercetak adalah usaha yang bertepatan dalam memastikan pembudayaan Malaysia MADANI berlaku secara berterusan.
4. Enam (6) nilai teras Malaysia MADANI ialah Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan.
5. Program gotong-royong bertemakan alam sekitar adalah bertepatan dengan nilai teras Malaysia MADANI yang pertama iaitu **kemampanan** dengan pengertian saling menghormati dan mengasihi sesama manusia dan juga terhadap alam sekitar termasuk haiwan dan tumbuhan. Antara program KPN yang boleh dilaksanakan seperti Program Kebersihan dan Gotong-Royong di KRT di setiap negeri. Penggunaan logo adalah seperti beikut:



6. **Kesejahteraan**, nilai teras Malaysia MADANI yang kedua merujuk kepada Sejahtera dari aspek ekonomi dan sosial melalui budaya ilmu serta kepelbagaiannya pandangan. Visi nilai teras ini adalah untuk mewujudkan sebuah negara Sejahtera, seimbang antara pertumbuhan ekonomi yang mampan dan amalan kerohanian yang memperkasa semua rakyat Malaysia tanpa mengira agama, kaum dan latar belakang. Contoh, program Karnival Kerjaya yang menyasarkan semua rakyat Malaysia bagi meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan merupakan pendekatan yang sesuai untuk menggambarkan nilai kesejahteraan. Program yang boleh dilaksanakan diperingkat KPN ialah yang melibatkan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Pusat Pengajian Tinggi dan NGO dalam mempromosi kerjaya graduan lepasan university. Penggunaan logo adalah seperti berikut:



7. Nilai teras Malaysia MADANI ketiga iaitu **daya cipta** yang membawa maksud pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelaskan daya cipta manusia. Ia sesuai digunakan untuk program berbentuk inovasi seperti program Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang menjadi program tahunan setiap Kementerian. Pelaksanaan program seumpama KIK ini akan mencungkil bakat reka cipta rakyat Malaysia yang mampu menjana idea Baharu ke arah perubahan negara yang lebih maju dan berimpak tinggi berteraskan roh daya cipta itu sendiri. KPN boleh mengadakan program Inovasi dikalangan warga Kementerian untuk memperlihatkan kreativiti warga kerja dalam menjalankan tugas. Penggunaan logo adalah seperti berikut:



8. **Hormat** merupakan nilai teras Malaysia MADANI keempat yang merujuk perilaku budi Bahasa kepada kekayaan tradisi, kemajmukan dan meraikan perbezaan pandangan dunia, sinonim dengan kesopanan dan ketawaduan dan dilihat bukan hanya tingkah laku semata-mata tetapi juga asas kepada sebuah peradaban. Hormat dijadikan nilai teras Malaysia MADANI dengan visi membentuk sebuah Masyarakat Malaysia yang adil, saling menghormati, berdedikasi, punyai nilai kesaksamaan dan berintegriti tinggi. Sebagai contoh, ia boleh dipamerkan melalui program-program Latihan kenegaraan, perpaduan, kebudayaan serta diskusi intelektual. Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan merupakan program untuk menunjukkan semangat perpaduan dan keharmonian dikalangan Masyarakat Malaysia. Penggunaan logo adalah seperti berikut:



9. Nilai Teras Malaysia MADANI yang kelima, **Keyakinan** pula dikaitkan dengan harapan terhadap perubahan seiring dengan sikap Amanah kea rah kebaikan yang merupakan suatu ikrar pertanggungjawaban moral duniaawi dan ukhrawi. Keyakinan dijadikan nilai teras Malaysia MADANI dengan tujuan untuk memulihkan semula keyakinan terhadap negara dan membangunkannya semula disamping mengukuhkan perpaduan serta kerjasaman antara Kerajaan dengan rakyat. Sebagai contoh, nilai teras ini bertepatan dengan sesi amanat pucuk pimpinan tertinggi sesebuah organisasi sewaktu perhimpunan bulanan setiap Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan yang sentiasa menitikberatkan tanggungjawab penjawat awam dalam usaha membangunkan negara Malaysia. Program yang boleh dilaksanakan adalah seperti Majlis Amanat YB Menteri Perpaduan Negara. Penggunaan logo adalah seperti berikut:



10. Program-program bantuan Kerajaan kepada rakyat adalah bertepatan dengan nilai teras Malaysia MADANI yang keenam iaitu **ihsan** yang membawa maksud belas ihsan akan Nasib semua pihak melalui Tindakan pemberdayaan kemanusiaan. Perasaan ihsan itu adalah soal menyelami penderitaan dan kemelaratan orang lain serta berusaha mencari jalan bagi mengatasinya. Ihsan dijadikan nilai teras Malaysia MADANI dengan visi untuk memberdaya seluruh rakyat melalui penyediaan keperluan asas yang mencukupi, makanan seimbang, perumahan mampu milik, penjagaan Kesihatan dan perkhidmatan yang bersesuaian serta sokongan berterusan untuk golongan miskin yang terpinggir. Program dan aktiviti berbentuk bantuan selepas bencana boleh dilaksanakan untuk membantu Masyarakat ditimpa musibah. Penggunaan logo adalah seperti berikut:



PENGGUNAAN LOGO HARMONI MADANI

1. Inisiatif Harmoni MADANI merupakan usaha meningkatkan dan memperkuatkan keharmonian antara Masyarakat pelbagai kaum serta penganut agama di negara ini dan inisiatif HARMONI MADANI adalah untuk menyebarluaskan prinsip asas integrasi nasional iaitu "Faham", "hormat" dan "Terima" dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya.
2. Penggunaan logo Harmoni MADANI ini seperti di program dan aktiviti yang berteraskan keharmonian, keagamaan, program rumah-rumah ibadat dan sebagainya.



PENGGUNAAN LOGO KEMBARA PERPADUAN

Program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI merupakan salah satu inisiatif melalui Belanjawan 2023 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam usaha memperkasa agenda perpaduan negara dan integrasi nasional di bawah Ikhtiar 11: **Menjamin keharmonian dan perpaduan rakyat**. Program flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI ini telah diperkenalkan dengan matlamat menyebarluaskan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan Malaysia MADANI.

